

**PENGECCUALIAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PERJANJIAN
PINJAMAN DI BAWAH SKIM PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA
(PR1MA)**

Kedudukan Semasa

Kadar duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman adalah 0.5% ke atas nilai pinjaman.

Pengecualian duti setem sepenuhnya diberi ke atas semua surat cara bagi pembelian rumah kediaman kos rendah yang berharga sehingga RM42,000 di Semenanjung Malaysia dan sehingga RM47,000 di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Pengecualian duti setem sebanyak 50% diberi ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman pertama berharga sehingga RM350,000 dengan syarat perjanjian jual beli disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012.

Cadangan

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan akses golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah kediaman yang memberi nilai untuk wang, berkualiti dan lebih selesa di kawasan bandar, adalah dicadangkan pengecualian duti setem sepenuhnya diberi ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah di bawah Skim PR1MA yang berharga sehingga RM300,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016.

KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)

Kedudukan Semasa

Keuntungan daripada pelupusan hartanah kediaman dan komersial dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 bagi menangani aktiviti spekulasi dalam pasaran hartanah. Kadar CKHT adalah progresif antara 0% hingga 30% bergantung kepada tempoh pegangan hartanah seperti berikut:

Pelupusan	Kadar CKHT		
	Syarikat	Individu (Warganegara & Penduduk Tetap)	Individu (Bukan Warganegara)
Dalam 2 tahun	30%	30%	30%
Dalam tahun ke 3	20%	20%	30%
Dalam tahun ke 4	15%	15%	30%
Dalam tahun ke 5	5%	5%	30%
Dalam tahun ke 6 dan selanjutnya	5%	0%	5%

Bagi merencanakan semula prestasi pasaran hartanah yang agak perlahan, CKHT telah dikecualikan mulai 1 April 2007 hingga 31 Disember 2009. Mengambil kira pasaran hartanah yang semakin pulih di samping untuk menjana hasil bagi tujuan pembangunan, CKHT pada kadar 5% dikenakan ke atas keuntungan daripada hartanah kediaman dan komersial yang dilupuskan dalam tempoh 5 tahun. Kadar ini dikenakan mulai 1 Januari 2010.

Cadangan

Kadar tetap CKHT yang rendah iaitu 5% dijangka tidak begitu berkesan bagi membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran hartanah yang mana jika tidak dikawal akan memberi tekanan kepada harga hartanah. Bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah pada harga yang berpatutan, adalah dicadangkan kadar CKHT ke atas pelupusan hartanah kediaman dan komersial dikaji semula seperti berikut:

Tempoh Pegangan	Kadar CKHT Dicadangkan		
	Syarikat	Individu (Warganegara & Penduduk Tetap)	Individu (Bukan Warganegara)
Sehingga 2 tahun	10%	10%	10%
Melebihi 2 hingga 5 tahun	5%	5%	5%
Melebihi 5 tahun	0%	0%	0%

Kadar CKHT yang dicadangkan tidak akan membebankan pemilik hartanah yang tulen kerana mereka diberi pengecualian dan bayaran CKHT adalah berdasarkan keuntungan bersih seperti berikut:

- i. Pengecualian CKHT ke atas keuntungan pelupusan sebuah rumah kediaman sekali dalam seumur hidup oleh individu warganegara dan pemastautin tetap Malaysia;
- ii. Pengecualian CKHT ke atas keuntungan pelupusan hartanah antara ibu bapa dan anak, suami dan isteri, datuk atau nenek dan cucu;
- iii. CKHT hanya dikenakan ke atas keuntungan bersih setelah ditolak semua kos terlibat seperti harga belian, kos pengubahsuaian dan kos sampingan seperti yuran guaman dan duti setem; dan
- iv. Pengecualian sehingga RM10,000 atau 10% daripada keuntungan bersih, yang mana lebih tinggi diberi bagi individu.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi pelupusan hartanah mulai 1 Januari 2012.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI
BAGI AMANAH PELABURAN HARTANAH**

Kedudukan Semasa

Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) telah diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Pelabur institusi asing khususnya dana pencen dan dana pelaburan berkumpulan yang menerima dividen daripada REITs yang tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad pada kadar 10% mulai 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2011;
- ii. Pelabur bukan syarikat termasuk individu pemastautin dan bukan pemastautin serta entiti tempatan lain yang menerima dividen daripada REITs yang tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad pada kadar 10% mulai 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2011;
- iii. Pengecualian cukai keuntungan harta tanah ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah oleh individu atau syarikat kepada REITs mulai 13 September 2003;
- iv. Pengecualian duti setem ke atas surat ikatan penyerahhakan berhubung penjualan hartanah daripada individu atau syarikat kepada REITs yang disempurnakan mulai 26 Oktober 2005;
- v. Pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan ke atas pendapatan REITs jika 90% daripada jumlah pendapatan tersebut diagihkan kepada pemegang unit mulai tahun taksiran 2007; dan
- vi. Potongan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan fi perunding, perkhidmatan guaman dan penilaian bagi penubuhan REITs mulai tahun taksiran 2006.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pembangunan REITs serta merangsang pasaran modal dan hartanah, adalah dicadangkan galakan cukai di perenggan (i) dan (ii) di atas dilanjutkan bagi tempoh 5 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016.

**GALAKAN CUKAI KE ATAS PENERBITAN SEKURITI ISLAM
BERDASARKAN PRINSIP WAKALAH**

Kedudukan Semasa

Potongan cukai diberi ke atas perbelanjaan menerbitkan sekuriti Islam di bawah prinsip *Mudharabah*, *Musyarakah*, *Ijarah*, *Istisna'*, *Murabahah* dan *Bai Bithamin Ajil* berasaskan *Tawarruq* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Galakan ini diberi mulai tahun taksiran 2003 hingga 2015.

Cadangan

Bagi menggalakkan pertumbuhan pasaran modal Islam sejajar dengan objektif mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pasaran *sukuk* utama global, adalah dicadangkan perbelanjaan bagi menerbitkan sekuriti Islam berdasarkan prinsip *Wakalah* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan diberi potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012 hingga 2015.

**LANJUTAN TEMPOH PENGECCUALIAN CUKAI BAGI PENDAPATAN
DARIPADA URUS NIAGA SUKUK BUKAN RINGGIT**

Kedudukan Semasa

Pengeccualian cukai bagi aktiviti berkaitan penerbitan dan urus niaga *sukuk* bukan ringgit diberi ke atas pendapatan berikut:

- i. Pendapatan fi yang diterima oleh institusi yang layak daripada aktiviti mengatur, menaja jamin dan mengagih *sukuk* bukan ringgit yang berasal dari Malaysia; dan
- ii. Keuntungan yang diterima oleh institusi yang layak daripada urus niaga *sukuk* bukan ringgit yang berasal dari Malaysia.

Galakan ini tertakluk kepada syarat *sukuk* bukan ringgit dan institusi yang layak diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Galakan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 hingga 2011.

Cadangan

Bagi mempromosikan Malaysia sebagai pangkalan penerbitan dan dagangan antarabangsa bagi *sukuk* bukan ringgit, adalah dicadangkan tempoh pengeccualian cukai sedia ada dilanjutkan bagi tempoh 3 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012 hingga 2014.

**GALAKAN CUKAI BAGI HOTEL BARU BERTARAF
4 DAN 5 BINTANG DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Pelaburan semula bagi tujuan pembesaran, pemodenan dan pengubahsuaian hotel bertaraf 4 dan 5 bintang yang sedia ada diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dan dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Galakan di atas diberi sebanyak tiga pusingan. Walau bagaimanapun, bagi pusingan ketiga hanya diberi Elaun Cukai Pelaburan.

Bagi pelaburan baru hotel bertaraf 4 dan 5 bintang, galakan cukai hanya diberi di Sabah dan Sarawak, manakala galakan cukai tidak diberi bagi hotel di Semenanjung Malaysia.

Cadangan

Bagi menggalakkan pembangunan hotel bertaraf 4 dan 5 bintang dan menyediakan lebih banyak kemudahan penginapan bagi menarik pelancong berbelanja tinggi, adalah dicadangkan pengusaha hotel yang membuat pelaburan baru bagi hotel bertaraf 4 dan 5 bintang di Semenanjung Malaysia diberi galakan seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dan dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2013.

LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI KERETA HIBRID DAN ELEKTRIK

Kedudukan Semasa

Pemegang francais kereta hibrid dan elektrik diberi pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais ke atas kereta hibrid dan elektrik baru yang telah siap dipasang (CBU).

Pengecualian di atas diberi selama setahun iaitu mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011 dan tertakluk kepada kriteria dan syarat berikut:

Kereta Hibrid:

- i. Mematuhi definisi yang diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu:

“A vehicle with at least 2 different energy converters and 2 different energy storage systems (gasoline and electric) on-board the vehicle for the purpose of vehicle propulsion”;
- ii. Terhadap kepada kereta penumpang hibrid CBU baru berkapasiti enjin di bawah 2000 cc;
- iii. Spesifikasi enjin dengan teknologi sekurang-kurangnya Euro 3;
- iv. Kereta disahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai kereta hibrid, mendapat *Vehicle Type Approval* dan *certified to have achieved not less than a 50% increase in the city-fuel economy or not less than a 25% increase in combined city-highway fuel economy relative to a comparable vehicle that is an internal combustion gasoline fuel*; dan
- v. Pelepasan gas karbon monoksida kurang daripada 2.3 gram bagi setiap kilometer.

Kereta Elektrik:

- i. Mematuhi definisi yang diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu:

“A vehicle with bodywork intended for road use, powered exclusively by an electric motor whose traction energy supplied exclusively by a traction battery installed in the vehicle”;
- ii. Terhadap kepada kereta penumpang elektrik CBU baru dengan kuasa motor elektrik di bawah 100kW; dan

- iii. Kereta disahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai kereta elektrik dengan mendapat *Vehicle Type Approval*.

Cadangan

Bagi menggalakkan pemasangan kereta hibrid dan elektrik dalam negara dan menjamin kelestarian pembangunan negara, adalah dicadangkan tempoh pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais ke atas kereta hibrid dan elektrik baru yang telah siap dipasang (CBU) dilanjutkan selama dua tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2013.

GALAKAN CUKAI BAGI PUSAT PENGURUSAN PERBENDAHARAAN

Kedudukan Semasa

Pusat Pengurusan Perbendaharaan (*Treasury Management Centre – TMC*) merupakan sebuah pusat yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana bagi kumpulan syarikat berkaitan di dalam dan di luar negara.

Penubuhan TMC di Malaysia oleh syarikat multinasional akan memberi suntikan dana baru ke dalam sektor perbankan tempatan, meningkatkan kecairan melalui penambahan perniagaan dalam mata wang asing hasil daripada pemusatan pengurusan dana kumpulan di Malaysia. Aktiviti ini juga akan menyediakan peluang pekerjaan berkualiti dengan gaji yang tinggi kepada rakyat Malaysia serta berupaya mempercepatkan proses transformasi Malaysia kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan negara berpendapatan tinggi.

Cadangan

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat kewangan yang berdaya saing di rantau ini dan mendorong syarikat multinasional menjadikan Malaysia sebagai lokasi pilihan bagi penubuhan TMC, adalah dicadangkan supaya TMC diberikan pakej galakan seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai sebanyak 70% daripada pendapatan statutori ke atas penyediaan perkhidmatan yang layak oleh TMC kepada syarikat berkaitan untuk tempoh 5 tahun:
 - a. Semua pendapatan fi dan pendapatan pengurusan daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitan dalam dan luar Malaysia;
 - b. Pendapatan faedah yang diterima daripada pemberian pinjaman kepada syarikat berkaitan dalam dan luar Malaysia;
 - c. Pendapatan faedah dan keuntungan yang diterima daripada penempatan dana dalam bank tempatan berlesen atau pelaburan jangka pendek (dalam negara dan luar negara) sebagai sebahagian daripada pengurusan dana lebihan dalam kumpulan;
 - d. Keuntungan pertukaran mata wang asing daripada pengurusan risiko kumpulan syarikat seperti risiko kadar pertukaran, risiko kadar faedah dan risiko komoditi; dan

- e. Yuran jaminan.
- ii. Pengecualian cukai pegangan ke atas bayaran faedah pinjaman oleh TMC kepada bank dan syarikat berkaitan di luar negara dengan syarat dana yang diperoleh digunakan untuk menjalankan perkhidmatan TMC yang layak;
- iii. Pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas semua surat cara perjanjian pinjaman dan perjanjian perkhidmatan yang dibuat oleh TMC di Malaysia, yang digunakan untuk menjalankan perkhidmatan TMC yang layak; dan
- iv. Pegawai dagang yang bekerja di TMC dikenakan cukai ke atas bahagian pendapatan bercukai yang diperoleh bagi tempoh pegawai dagang tersebut berada di Malaysia.

Perkhidmatan yang Layak:

- i. Pengurusan perkhidmatan tunai, termasuk pengumpulan tunai melalui akaun pusat yang diselenggara dengan bank tempatan berlesen.
- ii. Pengurusan akaun semasa, termasuk:
 - a. Urusan akaun pemiutang dan penghutang; dan
 - b. Pengaturan penjelasan secara ofset antara syarikat.
- iii. Pembiayaan dan pengurusan hutang, termasuk:
 - a. Mengatur pembiayaan yang kompetitif daripada dana lebihan dalam kumpulan atau daripada institusi kewangan di Malaysia dan luar negara serta melalui terbitan bon dalam ringgit atau mata wang asing; dan
 - b. Memberi atau mengatur jaminan kewangan dan bukan kewangan bagi kumpulan syarikat berkaitan.
- iv. Perkhidmatan pelaburan, termasuk:
 - a. Pelaburan dana kumpulan ke dalam pasaran wang domestik dan dalam aset mata wang asing di dalam dan di luar negara.
- v. Pengurusan risiko kewangan, yang termasuk lindung nilai:
 - a. Risiko kadar pertukaran;
 - b. Risiko kadar faedah;
 - c. Risiko pasaran;

- d. Risiko kredit / rakan niaga;
 - e. Risiko mudah tunai; dan
 - f. Risiko harga komoditi.
- vi. Khidmat nasihat korporat dan kewangan, termasuk:
- a. Penyelidikan dan analisis pelaburan atau ekonomi;
 - b. Unjuran kewangan dan analisis trend kewangan; dan
 - c. Pentadbiran dan kawalan kredit.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2016.

**GALAKAN CUKAI BAGI PENYEDIA PERKHIDMATAN
REKA BENTUK PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Reka bentuk perindustrian yang berasaskan kreativiti dan inovasi dapat menyumbang kepada peningkatan fungsi dan keselamatan produk, pengurangan kos serta memenuhi cita rasa pengguna. Di samping itu, industri ini juga memainkan peranan penting untuk terus meningkatkan produktiviti, kualiti dan daya saing produk.

Tiada galakan cukai yang disediakan bagi penyedia perkhidmatan reka bentuk perindustrian.

Cadangan

Bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi bernilai tambah tinggi adalah dicadangkan penyedia perkhidmatan reka bentuk perindustrian diberi galakan Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun. Galakan ini adalah bagi penyedia perkhidmatan yang memenuhi kriteria berikut:

- i. Penyedia perkhidmatan reka bentuk perindustrian baru hendaklah menggaji sekurang-kurangnya 50% pereka Malaysia; dan
- ii. Penyedia perkhidmatan reka bentuk perindustrian sedia ada yang menjalankan pembesaran dan penyedia reka bentuk bukan perindustrian yang akan menjalankan aktiviti reka bentuk perindustrian yang:
 - a. Menaik taraf kemudahan reka bentuk dengan meningkatkan pelaburan modal sekurang-kurangnya 50%; dan
 - b. Meningkatkan penggajian pereka Malaysia sebanyak 50%.

Galakan ini tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. Penyedia perkhidmatan reka bentuk perindustrian dan pereka bentuk Malaysia hendaklah berdaftar dengan Majlis Rekabentuk Malaysia;
- ii. Penyedia perkhidmatan reka bentuk perindustrian hendaklah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau berdaftar di

bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan hendaklah memberi perkhidmatan reka bentuk perindustrian kepada syarikat tidak berkaitan; dan

- iii. Perkhidmatan reka bentuk perindustrian yang disediakan adalah untuk tujuan pengeluaran secara besar-besaran.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2016.

RASIONALISASI GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT PERKAPALAN

Kedudukan Semasa

Pendapatan syarikat perkapalan di bawah seksyen 54A Akta Cukai Pendapatan 1967 telah diberi pengecualian cukai sepenuhnya. Objektif galakan cukai ini adalah untuk membangunkan industri perkapalan negara dan mengurangkan defisit dalam imbangan bayaran negara. Galakan ini telah diberi sejak tahun taksiran 1984 iaitu selama 27 tahun.

Dasar semasa pemberian galakan cukai adalah bagi satu tempoh masa tertentu untuk membantu sesuatu industri di peringkat awal operasinya supaya dapat berdaya saing.

Cadangan

Bagi merasionalisasi galakan cukai, adalah dicadangkan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat perkapalan dikurangkan daripada 100% kepada 70% di peringkat pendapatan statutori.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012.

**BANTUAN KEPADA PEMILIK INDIVIDU TEKSI BAJET
DAN KERETA SEWA**

Kedudukan Semasa

Bantuan yang disediakan kepada pemilik teksi bajet dan kereta sewa adalah seperti berikut:

- i. Pengecualian 100% duti eksais ke atas pembelian kereta baru buatan tempatan yang digunakan sebagai teksi bajet;
- ii. Pengecualian 100% duti eksais ke atas pembelian kereta baru pemasangan tempatan yang digunakan sebagai kereta sewa; dan
- iii. Cukai jalan pada kadar RM20 setahun.

Bagi kereta yang dijual atau ditukar milik, duti eksais hendaklah dijelaskan berdasarkan nilai semasa kereta berkenaan.

Cadangan

Bagi membantu pemilik individu teksi bajet dan kereta sewa mengurangkan kos operasi mereka dan menambah baik perkhidmatan teksi, adalah dicadangkan:

- i. Pengecualian 100% cukai jualan ke atas pembelian kereta baru buatan tempatan untuk dijadikan teksi bajet atau kereta sewa;
- ii. Penjualan atau tukar milik teksi bajet dan kereta sewa selepas 7 tahun daripada tarikh pendaftarannya dikecualikan daripada bayaran balik duti eksais dan cukai jualan;
- iii. Cukai jalan teksi bajet dan kereta sewa dimansuhkan;
- iv. Pemberian subsidi kadar faedah 2% setahun ke atas pinjaman penuh untuk memiliki teksi bajet dan kereta sewa baru buatan tempatan bagi tempoh 2 tahun; dan
- v. Pemberian bantuan RM3,000 bagi menggantikan teksi bajet dan kereta sewa berusia melebihi 7 tahun tetapi kurang 10 tahun. Bagi teksi bajet dan kereta sewa yang berusia 10 tahun dan ke atas, bantuan RM1,000 akan diberikan.

Tarikh Kuat Kuasa

- i. Cadangan (i) dan (ii) mulai 8 Oktober 2011;
- ii. Cadangan (iii) mulai 1 Januari 2012; dan
- iii. Cadangan (iv) dan (v) mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2013.

GALAKAN CUKAI BAGI PROGRAM *INTERNSHIP* BERSTRUKTUR

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat ke atas penyediaan latihan praktikal termasuk latihan *internship* layak mendapat potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan di bawah seksyen 34(6)(n) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cadangan

Program *internship* berstruktur memberi manfaat dan berkesan bagi pelajar mempraktikkan teori dan konsep akademik yang dipelajari di universiti. Program ini juga membolehkan syarikat mengenal pasti calon pekerja yang berkebolehan dan menepati keperluan syarikat. Manakala bagi pelajar pula, mereka berpeluang untuk mendapat pendedahan kepada suasana kerja sebenar syarikat.

Kementerian Pengajian Tinggi bersama Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) akan melaksanakan satu program *internship* berstruktur merangkumi kemahiran teknikal, komunikasi dan perniagaan.

Bagi meningkatkan penyertaan syarikat dalam program ini, adalah dicadangkan potongan dua kali diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat dalam melaksanakan program *internship* berstruktur ini. Kriteria kelayakan bagi program ini antara lain adalah seperti berikut:

- i. Program *internship* adalah untuk pelajar sepenuh masa di peringkat sarjana muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta; dan
- ii. Tempoh *internship* hendaklah sekurang-kurangnya 10 minggu dan elaun bulanan hendaklah sekurang-kurangnya RM500.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012 hingga 2016.

GALAKAN CUKAI BAGI PEMBERIAN BIASISWA

Kedudukan Semasa

Biasiswa yang diberi oleh syarikat kepada pelajar diberi potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan di bawah seksyen 34(6)(f) Akta Cukai Pendapatan 1967. Potongan ini adalah bagi biasiswa kepada pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Biasiswa yang diberi kepada pelajar yang memenuhi kriteria berikut:

- i. Mengikuti pengajian sepenuh masa;
- ii. Tidak mempunyai punca pendapatan; dan
- iii. Jumlah pendapatan ibu bapa atau penjaga tidak melebihi RM5,000 sebulan.

Cadangan

Bagi menggalakkan syarikat swasta menjalankan tanggungjawab sosial dan bagi menggalakkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, adalah dicadangkan biasiswa yang diberi oleh syarikat swasta kepada pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi diberi potongan dua kali. Kriteria pemberian biasiswa adalah kepada pelajar yang:

- i. Mengikuti pengajian sepenuh masa;
- ii. Tidak mempunyai punca pendapatan; dan
- iii. Jumlah pendapatan ibu bapa atau penjaga tidak melebihi RM5,000 sebulan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012 hingga 2016.

**GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT YANG MENYERTAI
PAMERAN KERJAYA DI LUAR NEGARA**

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat yang menyertai pameran kerjaya di luar negara adalah dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

Cadangan

Pameran kerjaya penting untuk menyebarkan informasi dan memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia yang berbakat di luar negara mengenai peluang kerjaya di Malaysia.

Bagi menarik lebih ramai rakyat Malaysia yang berkepakaran dan pelajar kembali berkhidmat untuk negara, adalah dicadangkan perbelanjaan syarikat bagi menyertai pameran kerjaya di luar negara yang telah disahkan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) diberi potongan dua kali.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012 hingga 2016.

POTONGAN CUKAI KE ATAS FI FRANCAIS

Kedudukan Semasa

Francais merupakan satu model perniagaan di mana francaisi diberi hak untuk menawarkan, menjual atau mengedarkan barangan atau perkhidmatan menggunakan sistem dan pelan pemasaran yang telah ditetapkan oleh francaisor.

Antara jenis perbelanjaan yang dikenakan ke atas francaisi untuk menjalankan perniagaan francais adalah fi francais, royalti, fi promosi dan pengiklanan, fi latihan dan fi perkhidmatan. Perbelanjaan tersebut dibenarkan potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan kecuali fi francais, memandangkan ia adalah perbelanjaan sebelum menjalankan perniagaan.

Cadangan

Bagi terus membangunkan jenama produk tempatan supaya kukuh di pasaran domestik dan dapat diterima di pasaran luar negara, adalah dicadangkan potongan diberi ke atas perbelanjaan fi francais. Galakan ini adalah bagi francais jenama tempatan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PINJAMAN
SKIM PEMBIAYAAN MIKRO DAN
SURAT CARA PINJAMAN DANA PROFESIONAL**

Kedudukan Semasa

Surat cara perjanjian pinjaman sehingga RM250,000 yang disempurnakan oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dikenakan duti setem pada kadar 0.05% atas nilai pinjaman (atau RM0.50 bagi setiap RM1,000).

Tafsiran PKS di bawah Akta Setem 1949 adalah seperti berikut:

Sektor	Jualan Tahunan	Bilangan Pekerja
Perkilangan	Kurang dari RM25 juta	150 orang
Perkhidmatan	Kurang dari RM5 juta	50 orang

Surat cara perjanjian pinjaman yang disempurnakan oleh selain dari PKS dikenakan duti setem pada kadar 0.5% atas nilai pinjaman (atau RM5.00 bagi setiap RM1,000).

Cadangan

Bagi mengurangkan kos pengendalian perniagaan pengusaha mikro dan PKS, adalah dicadangkan pengecualian duti setem 100% diberi ke atas surat cara perjanjian bagi pinjaman sehingga RM50,000 di bawah Skim Pembiayaan Mikro. Pengecualian ini adalah bagi pinjaman antara pengusaha mikro dan PKS dengan mana-mana institusi kewangan dan perbankan.

Di samping itu, bagi membantu golongan profesional membuka firma di luar bandar, adalah dicadangkan pengecualian duti setem 100% diberi ke atas surat cara perjanjian pinjaman sehingga RM50,000 di bawah Dana Perkhidmatan Profesional. Pengecualian ini adalah bagi pinjaman antara mana-mana profesional dengan Bank Simpanan Nasional.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi surat cara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2012.

GALAKAN CUKAI BAGI SEKOLAH SWASTA

Kedudukan Semasa

Penglibatan sekolah swasta dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan amat penting untuk menyokong usaha Kerajaan membentuk budaya ilmu yang tinggi dan menerap nilai murni. Pelbagai galakan cukai telah diberi kepada pendidikan swasta, antaranya:

- i. a) **Sekolah Swasta Yang Tidak Bermotifkan Keuntungan**
- b) **Sekolah Antarabangsa Yang Tidak Bermotifkan Keuntungan**
- c) **Sekolah Ekspatriat Yang Tidak Bermotifkan Keuntungan**

Pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan daripada pengurusan sekolah.

- ii. **Sekolah Antarabangsa Yang Bermotifkan Keuntungan**

Pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Pengecualian cukai adalah bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 14 Julai 2010 sehingga 31 Disember 2015.

Cadangan

Untuk terus menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam perkhidmatan pendidikan dan bagi melengkapi usaha Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur pendidikan negara, adalah dicadangkan sekolah swasta dan sekolah antarabangsa yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran dan memenuhi peraturan yang ditetapkan diberi galakan cukai seperti berikut:

- A. Sekolah Swasta Yang Bermotifkan Keuntungan

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% untuk tempoh 5 tahun; atau

Pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

B. Sekolah Antarabangsa Yang Bermotifkan Keuntungan

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% untuk tempoh 5 tahun.

C. Sekolah Swasta Dan Sekolah Antarabangsa Yang Bermotifkan Keuntungan

- i. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan pembelajaran; dan
- ii. Potongan dua kali bagi perbelanjaan promosi di luar negara.

Tarikh Kuat Kuasa

A. Sekolah Swasta Yang Bermotifkan Keuntungan

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2015.

B. Sekolah Antarabangsa Yang Bermotifkan Keuntungan

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2015.

C. Sekolah Swasta Dan Sekolah Antarabangsa Yang Bermotifkan Keuntungan

- i. Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2011; dan
- ii. Mulai tahun taksiran 2012.

LAYANAN CUKAI BAGI SKIM PERSARAAN SWASTA

Kedudukan Semasa

Layanan cukai bagi manfaat yang diterima dari persaraan adalah seperti berikut:

A. Pengecualian Cukai

- i. Pengecualian ke atas pendapatan pencen yang diterima oleh pembayar cukai semasa mencapai umur persaraan wajib;
- ii. Pengecualian ke atas pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa pembayar cukai mencapai umur bersara wajib;
- iii. Pengecualian ke atas gratuity yang diterima semasa bersara wajib; dan
- iv. Pengecualian ke atas pendapatan yang diterima oleh dana KWSP dan dana yang diluluskan di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967.

B. Pelepasan Cukai

- i. Pelepasan sehingga RM6,000 ke atas caruman KWSP, caruman Skim Persaraan Swasta (PRS) dan premium insurans hayat; dan
- ii. Pelepasan sehingga RM1,000 ke atas premium anuiti sebagai komponen bersama di bawah pelepasan cukai ke atas caruman KWSP dan premium insurans hayat.

C. Potongan Cukai

- i. Potongan ke atas caruman oleh majikan bagi pekerja kepada KWSP dan caruman kepada dana yang diluluskan di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 sehingga maksimum 19% dari gaji pekerja.

Cadangan

Bagi menggalakkan simpanan yang mencukupi semasa mencapai usia persaraan di samping merangsang pembangunan sektor pasaran modal, adalah dicadangkan:

- i. Pelepasan cukai sehingga RM3,000 ke atas caruman individu dalam PRS yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan premium anuiti;
- ii. Pelepasan cukai RM1,000 ke atas premium anuiti (sebagai komponen bersama di bawah pelepasan cukai RM6,000 ke atas caruman KWSP dan premium insurans hayat) dirasionalisasikan;
- iii. Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh dana PRS;
- iv. Potongan ke atas caruman oleh majikan bagi pekerja ke dalam PRS. Potongan ini diberi sehingga 19% dari gaji pekerja dan meliputi caruman KWSP dan skim diluluskan di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- v. Pengeluaran caruman daripada PRS oleh pekerja sebelum tempoh matang atau sebelum mencapai usia persaraan wajib dikenakan cukai.

Tarikh Kuat Kuasa

- i. Cadangan (i) adalah bagi tempoh 10 tahun mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021; dan
- ii. Cadangan (ii) hingga (v) mulai tahun taksiran 2012.

**PAMPASAN BAGI LEWAT BAYAR BALIK CUKAI PENDAPATAN
OLEH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI**

Kedudukan Semasa

Pembayar cukai yang lewat menjelaskan cukai tertunggak dikenakan penalti pada kadar berikut:

Tarikh Penalti Dikenakan	Kadar Penalti
Sehari selepas tarikh tutup pengemukaan borang nyata cukai pendapatan.	10%
60 hari selepas tarikh penalti 10% dikenakan.	5%

Walau bagaimanapun, sekiranya Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) lewat membuat bayaran balik cukai yang terlebih bayar, pembayar cukai tidak diberi pampasan.

Cadangan

Bagi memastikan pembayar cukai mendapat layanan yang saksama dan meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai, adalah dicadangkan pembayar cukai diberi pampasan sebanyak 2% daripada amaun cukai yang lewat dibayar balik oleh LHDN.

Pampasan 2% ini dibayar atas asas harian mulai satu hari:

- i. Selepas 90 hari tarikh tutup pengemukaan *e-Filing*; dan
- ii. Selepas 120 hari daripada tarikh tutup pengemukaan manual.

Pembayar cukai yang layak dibayar pampasan adalah mereka yang mengemukakan borang nyata cukai pendapatan sebelum tamat tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Individu berpendapatan pengajian: tidak lewat dari 30 April;
- ii. Individu berpendapatan perniagaan: tidak lewat dari 30 Jun; dan
- iii. Syarikat: tidak lewat dari 7 bulan dari tarikh tempoh perakaunan berakhir.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2013.

SEKATAN MASA PENGAUDITAN CUKAI PENDAPATAN

Kedudukan Semasa

Di bawah Sistem Taksir Sendiri, audit cukai adalah aktiviti utama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Sekatan masa untuk audit cukai adalah 6 tahun dari tarikh cukai ditaksirkan.

Cadangan

Bagi meningkatkan kepastian mengenai kos menjalankan perniagaan, meningkatkan keyakinan pelabur dan selari dengan *best practices*, adalah dicadangkan sekatan masa untuk audit cukai dikurangkan dari 6 tahun kepada 5 tahun dari tarikh cukai ditaksirkan. Sekatan masa ini tidak terpakai bagi kes-kes penyiasatan, pernyataan palsu, sengaja melewati bayaran dan kecuaihan. Cadangan ini tidak akan mengubah keperluan menyimpan rekod selama 7 tahun selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 82 dan 82A Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2013.

MENAMBAHBAIK SISTEM PENTADBIRAN DAN PEMATUHAN CUKAI

Kedudukan Semasa

Sistem *e-Filing* yang diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan untuk menambahbaik pentadbiran cukai dan meningkatkan pematuhan dengan memberi kemudahan kepada pembayar cukai untuk mengemukakan borang cukai melalui komputer. Walau bagaimanapun, pembayar cukai individu yang menggunakan *e-Filing* masih perlu memasukkan maklumat seperti jumlah pendapatan, potongan cukai pendapatan berjadual (PCB), caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), insurans dan zakat.

Cadangan

Bagi memantapkan lagi sistem *e-Filing* seiring dengan perkembangan teknologi semasa, adalah dicadangkan:

- i. Pembayar cukai individu dibenarkan mengemukakan borang cukai secara *e-Filing* melalui peranti mudah alih (*mobile devices*); dan
- ii. Maklumat mengenai jumlah pendapatan, potongan PCB, caruman KWSP, insurans dan zakat dimasukkan secara pra-isi oleh LHDN bagi pembayar cukai pengajian yang menggunakan sistem *e-Filing*. Maklumat berkenaan perlu dibekalkan oleh majikan kepada LHDN.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2012